

NEWS CLIPPING

EVENT:	7-ELEVEN MALAYSIA HOLDINGS BHD, BUKA 200 CAWANGAN – RM80 JUTA
PUBLICATION:	BERITA HARIAN
PAGE/SECTION:	B6
DATE:	WEDNESDAY, 24 JUNE 2015
TITLE:	AS PER BELOW

BH 24 JUN 2015 © RABU

B6 • BISNES

RM80 juta buka 200 kedai 7-Eleven tahun ini

7-Eleven Malaysia Holdings Bhd merancang membelanjakan antara RM80 juta hingga RM90 juta untuk membuka 200 kedai 7-Eleven di seluruh negara pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown, berkata peruntukan modal itu juga adalah bagi membaik pulih kedai 7-Eleven sedia ada di negara ini, sekali gus mewujudkan persekitaran yang lebih selesa dalam menarik lebih ramai pelanggan.

"Kami juga mahu menawarkan lebih banyak makanan segar, menggunakan lampu diod pemancah cahaya yang jimat tenaga dan juga mengadakan promosi secara berterusan," katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, antara 30 hingga 35 peratus daripada kedai baharu itu adalah di Lembah Klang.

Brown berkata mulai tahun 2014 hingga tahun 2016, syarikat menjangka dapat membuka 600 kedai baharu.

Tahun lalu, syarikat membuka 188 kedai baharu, katanya.

Syarikat itu juga sudah memperuntukkan RM66 juta untuk projek perintis itu dijangka beroperasi pada suku keempat tahun ini di

juta lagi untuk kerja-kerja pembinaan untuk membangunkan kemudahan pusat penghantaran di Bukit Jelutong, Shah Alam, yang sedang dalam proses penilaian, katanya.

"Kami sedang memuktamadkan projek IT kami yang dimulakan awal tahun lalu dan akan siap tahun ini.

Tambah baik sistem maklumat

Syarikat sudah membelanjakan RM20 juta tahun lalu, yang digunakan untuk sistem pematuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) manakala fasa kedua kini digunakan untuk menambah baik sistem maklumat runcit kami seperti menyusun data, proses pesanan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata syarikat itu, yang menguasai 80 peratus pasaran kedai serbaneka, menyasar untuk kekal sebagai peserta.

Syarikat itu kini dalam rundingan dengan pelbagai peserta perkhidmatan kurier untuk menggunakan rangkaiannya sebagai tempat penghantaran.

"Setelah muktamad kelak, projek perintis itu dijangka beroperasi pada suku keempat tahun ini di



Brown (enam dari kanan) pada majlis pembukaan cawangan 7-Eleven di KLIA2, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

kedai-kedai terpilih," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Mengenai masa hadapan, Brown berharap pasaran runcit akan mendapatkan semula momentumnya dan menarik pelanggan untuk berbelanja berikutnya salah faham

terhadap pelaksanaan GST pada April.

"Ini mungkin mengambil masa kira-kira tiga hingga sembilan bulan, tetapi kita (dalam pasaran runcit) berharap dapat berlaku lebih awal kerana ia menjelaskan kami

apabila pelanggan berfikiran setiap pembelian adalah tambahan sebanyak enam peratus.

"Bukan itu sebenarnya kerana beberapa barang hanya mengalami pelarasan tambahan hingga 4 peratus," katanya. **BERNAMA**